

Bahagian A*Jawab semua soalan.***2.1 Dunia Kita**

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan perkataan geologi.

Logia

Apakah maksud perkataan tersebut?

- A Sains
- B Saintifik
- C Kajian sains
- D Kajian saintifik

Buku Teks m.s. 26

- 2 Antara berikut, apakah ilmu yang digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji perubahan bumi?

- I Geografi
- II Geologi
- III Arkeologi
- IV Sejarah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 26

- 3 Bentuk perubahan yang berlaku ke atas bumi dalam tempoh 4.6 bilion tahun ialah

- A paras air semakin menurun
- B bumi mengalami perubahan fizikal
- C suhu semakin panas
- D bentuk haiwan berubah

Buku Teks m.s. 27

- 4 Gambar berikut berkaitan dengan binatang pada Zaman Pleistosen.



Woolly Mammoth

Apakah fungsi bulu tebal binatang tersebut?

- A Menjadi perisai keselamatan
- B Menakutkan haiwan lain
- C Memerangkap suhu sejuk
- D Melindungi tubuh daripada kesejukan

- 5 Antara berikut, binatang yang dikategorikan sebagai binatang Zaman Air Batu ialah

- I gajah
- II *bison occidentalis*
- III harimau bertaring panjang
- IV badak hitam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 26-27

- 6 Apakah rumusan yang boleh dikaitkan dengan rajah yang berikut?

Bumi 650 juta tahun dahulu
Tiada kehidupan

Bumi 390 juta tahun dahulu
Wujud ikan

Bumi 195 juta tahun dahulu
Wujud dinosaur

- A Tiada perubahan bentuk muka bumi
- B Bentuk fizikal haiwan kekal sehingga kini
- C Bentuk fizikal haiwan berubah mengikut zaman
- D Faktor muka bumi mempengaruhi hidupan

2.2 Zaman Air Batu

- 7 Antara berikut, ciri yang manakah berkaitan dengan Zaman Miosen?

- I Wujud binatang mamalia
- II Pembentukan gunung-ganang
- III Manusia berjaya membuat api daripada pembakaran gas
- IV Memperoleh makanan melalui aktiviti pertanian

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
Buku Teks m.s. 30

- 8 Bagaimanakah proses penyebaran padang rumput dan savana pada Zaman Pliosen berlaku?
A Pencarian makanan oleh haiwan purba
B Penyejukan dan pengeringan alam sekitar
C Penghijrahan melalui jalan darat
D Peningkatan paras air laut

Buku Teks m.s. 30

- 9 Apakah sumbangan jalan berikut pada Zaman Pleistosen?

Jalan darat dari Pentas Sunda

- A Penghijrahan haiwan
B Penghijrahan savana
C Penghijrahan manusia
D Peningkatan paras air laut

Buku Teks m.s. 31

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti pada Zaman Air Batu.

Memperoleh makanan daripada aktiviti pertanian

Apakah zaman yang berkaitan dengan aktiviti tersebut?

- A Zaman Holosen
B Zaman Miosen
C Zaman Pliosen
D Zaman Pleistosen

Buku Teks m.s. 31

2.3 Garis Masa Zaman Air Batu


- 11 Apakah zaman yang dikaitkan dengan garis masa yang berikut?

15 juta tahun dahulu

- A Zaman Holosen
B Zaman Pleistosen
C Zaman Pliosen
D Zaman Miosen

Buku Teks m.s. 32

- 12 Gambar berikut menunjukkan antara hidupan pada Zaman Air Batu.



Stegosaurus

Pengkaji mendapati binatang ini hidup pada

- A 12 000 tahun dahulu
B 2 juta tahun dahulu
C 25 juta tahun dahulu
D 500 juta tahun dahulu

Buku Teks m.s. 32

- 13 Antara berikut, apakah binatang yang wujud pada 500 juta tahun dahulu?

- I Trilobite
II Eurypyterids
III Hyracootherium
IV Deinotherium

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 32

2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

- 14 Pilih maklumat yang berkaitan dengan ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir.

A	Binatang	Wujud ikan
B	Aras laut	Berlaku peningkatan kedalaman air laut
C	Suhu	Suhu dunia mulai panas
D	Kehidupan manusia	Hidup secara nomad dan memburu

Buku Teks m.s. 34

- 15 Kecairan air batu menyebabkan berlaku perubahan struktur muka bumi.

Apakah proses tersebut?

- A Proses pengglasieran
B Proses pemeluwapan
C Proses pembekuan
D Proses radiasi

Buku Teks m.s. 34

- 16 Petanda berakhir Zaman Air Batu ialah

- A penghijrahan hidupan
B penurunan suhu
C kewujudan tasik
D kewujudan haiwan

Buku Teks m.s. 34

- 17 Berapakah peningkatan suhu bumi setiap tahun mengikut jangkaan penyelidik?

- A Sepuluh darjah celcius
B Lima darjah celcius

- C Kosong darjah celcius
D Sembilan darjah celcius
Buku Teks m.s. 34

- 18 Apakah kesan suhu bumi yang terlalu sejuk?
A Kekurangan air
B Penghijrahan hidupan
C Dunia dipenuhi salji
D Sungai terbentuk
Buku Teks m.s. 35

- 19 Antara berikut, apakah tumbuhan utama Zaman Air Batu Akhir?
I Rumput
II Tumbuhan renek
III Pokok bakau
IV Pokok berakar besar
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
Buku Teks m.s. 35

2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir

- 20 Proses glasier membawa perubahan kepada bentuk fizikal bumi. Bagaimanakah perubahan tersebut berlaku?
A Pergerakan di bahagian kerak bumi
B Pergerakan turun batuan dan tanah
C Runtuhan kawasan tanah tinggi
D Peningkatan paras air laut yang mendadak
Buku Teks m.s. 36
- 21 Berapakah kedalaman air laut selepas berlakunya proses pengglasieran?
A 130 meter
B 120 meter

- C 110 meter
D 100 meter
Buku Teks m.s. 36

- 22 Peningkatan suhu bumi menyebabkan berlaku kepupusan hidupan pada Zaman Pleistosen. Antara berikut, hidupan yang manakah telah pupus pada zaman tersebut?
I *Deinotherium*
II *Stegosaurus*
III Mamot
IV *Sloth*
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
Buku Teks m.s. 36

- 23 Punca pergerakan manusia dari benua Afrika disebabkan oleh
A ancaman binatang buas
B peningkatan paras laut
C perubahan iklim bumi
D perkembangan aktiviti penerokaan
Buku Teks m.s. 37

- 24 Mengapakah keadaan berikut berlaku?

Bumi mula mengalami perubahan iklim daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk.

- A Penyejukan di sebahagian kawasan bumi
B Peningkatan aktiviti radiasi di bumi
C Pengurangan tumbuhan di muka bumi
D Kejadian glasier utama
Buku Teks m.s. 37

- 25 Bagaimanakah radiasi ~~KBAT~~ terhadap bumi dapat dikurangkan?
A Mengelakkan pembakaran secara terbuka
B Memperbanyak binaan kaca di bumi
C Membiarkan pencairan ais berlaku
D Meningkatkan pembinaan petempatan

2.6 Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

- 26 Peta berikut menunjukkan Pentas Sunda.



Apakah Pentas Sunda?

- A Kawasan daratan besar
B Kawasan daratan tanah rendah
C Kawasan kepulauan
D Kawasan dilitupi laut
Buku Teks m.s. 38

- 27 Manusia di Asia Tenggara berkongsi kehidupan yang hampir sama seperti
I kepercayaan
II budaya
III agama
IV pendidikan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
Buku Teks m.s. 38

- 28 Apakah yang mempengaruhi pembentukan selat?
- A Pembentukan tasik
 - B Pesisiran pantai
 - C Pengaliran sungai
 - D Peningkatan paras laut
- Buku Teks m.s. 39*
- 29 Perubahan pada Zaman Air Batu Akhir memberi kesan kepada Asia Tenggara. Apakah perubahan tersebut?

- A Terdapat 13 peratus binatang mamalia di Asia Tenggara
 - B Hanya binatang besar kekal hidup di Asia Tenggara
 - C Terdapat 13 peratus populasi manusia di dunia
 - D Asia Tenggara memiliki suhu yang sejuk
- Buku Teks m.s. 39*

- 30 Apakah nilai yang berkaitan dengan Zaman Air Batu yang anda peroleh?
- KBAT**
- A Menggunakan sepenuhnya hasil bumi
 - B Pembangunan tanpa had penting kepada bumi
 - C Hanya manusia sahaja yang hidup di muka bumi
 - D Melindungi kehidupan yang terdapat di muka bumi